

Pemupukan Etika Dalam Perubatan Nabawi Berdasarkan Bab *Kitāb al-Ṭibb, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

[*The Nurturing of Ethics in Prophetic Medicine Based on Kitāb al-Ṭibb, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*]

THURAYA AHMAD*¹, MUHAMMAD RAFIQI HAZIM RAHMAT ²

¹ Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, thuraya@usm.my, 0182060769.

² Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor, Malaysia, muhammadrafiqihazim@gmail.com, 0127710214.

* Corresponding Author: Thuraya Ahmad

Kata Kunci:

Hadis; Pemupukan Etika; Perubatan Nabawi; *Kitāb al-Ṭibb; Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

ABSTRAK

Demi melahirkan golongan profesional bidang kesihatan yang mengikut etika Islam, beberapa penyelidikan kontemporari mengemukakan kaedah bagi menyepadukan nilai agama dengan amalan kerja kelompok tersebut. Hakikatnya, nas-nas berkaitan perubatan Nabawi telah mengandungi pemupukan etika yang mendidik pengamal perubatan, tetapi tidak diberikan sorotan. Kajian ini bertujuan untuk memaparkan pemupukan etika yang telah disepadukan dalam perubatan Nabawi berdasarkan *kitāb al-ṭibb* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (KṬṢB)*. Bersesuaian dengan ruang yang terhad, kajian ini hanya menumpukan kepada bab satu hingga bab lapan daripada KṬṢB. Ia adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan untuk pengumpulan data, yang kemudiannya diimbas melalui analisis kandungan. Maklumat pemupukan etika daripada bab-bab tersebut sebagai sumber utama dijelaskan dan disokong oleh sumber-sumber lain dalam bidang hadis serta bidang lain yang berkaitan. Hasilnya, kajian ini berjaya mengumpul 9 hadis yang berkaitan daripada skop yang dipilih. Ia mendapati bahawa bentuk pemupukan lima etika yang ditanamkan dalam perubatan Nabawi adalahlah; keyakinan yang teguh kepada petunjuk Allah SWT bahawa setiap penyakit mempunyai penawar, pengiktirafan kepada peranan wanita dalam perubatan, berusaha menyediakan keselesaan kepada pesakit, mengutamakan kaedah pembedahan yang paling mujarab dan sesuai, serta menyumbang kepada kelangsungan ilmu perubatan. Ia terkandung dalam nas-nas hadis berkenaan. Bentuk-bentuk pemupukan etika ini wajar diterapkan bagi melahirkan golongan pengamal perubatan beragama Islam yang berdedikasi.

Keywords:

Hadith; The Nurturing of Ethics; Prophetic Medicine; *Kitāb al-Ṭibb; Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

ABSTRACT

For the purpose of producing healthcare professionals who adhere to Islamic ethics, contemporary research has proposed methods for integrating religious values into healthcare practices. While the nurturing of healthcare ethics is enshrined in texts of prophetic medicine, it remains a largely under-explored area. In order to unveil the embedded healthcare ethics, this study focuses on *kitāb al-ṭibb* of *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (KṬṢB)*, specifically exploring texts from the first topic to the eighth topic within the *kitāb*. This study employs a qualitative approach as it collects related data through library research. The collected data are then interpreted through content analysis. All information related to the nurturing of ethics

from the selected topics is explained and supported by other sources in the field of hadith and neighbouring fields. Ultimately, this study identifies √ hadiths related to the scope of nurturing ethical healthcare. It discerns five forms of nurturing healthcare ethics in real practice: firm faith in the guidance of Allah SWT to cure every disease, acknowledgement of women's role in medicine, facilitating patient convenience, prioritising the most potent and suitable cure, and contributing to the preservation of knowledge. These forms of nurturing are enshrined within the culled hadiths, independent of integration with other scriptures or principles. They are worthy of implementation for development of dedicated Muslim healthcare professionals.

Received: September 7, 2025

Accepted: November 17, 2025

Online Published: December 31, 2025

1. Pendahuluan

Demi melahirkan golongan profesional kesihatan yang mengikut etika Islam, beberapa penyelidikan kontemporari mengemukakan kaedah bagi menyepadukan nilai agama dengan amalan kerja kelompok tersebut. Hakikatnya, nas-nas berkaitan perubatan Nabawi telah mengandungi pemupukan etika yang mendidik pengamal perubatan, tetapi tidak diberikan sorotan. Menurut al-Khattābī (1406H), perubatan Nabawi sebenarnya ialah perubatan tradisional Arab yang telah dibuat penambahbaikan melalui jalan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW.

Pada zaman ini, tidak dinafikan terdapat usaha untuk memupuk penerapan ajaran dan nilai Islam dalam perubatan. Atas kesedaran tersebut, Mahmood et al. (2023) telah menggariskan prinsip dan nilai berhubung pengamalan perubatan. Kajian ini menekankan bahawa tiga tema utama bagi amalan berlunaskan Islam dalam perubatan adalah; ciri dan sifat pengamal perubatan profesional, pembuatan keputusan klinikal, dan bimbingan spiritual yang menyeluruh. Penyelidik cuba meninjau gambaran keseluruhan kajian lepas yang berkaitan dengan integrasi amalan prinsip dan nilai Islam ke dalam amalan klinikal. Kajian ini melibatkan pengumpulan maklumat daripada pengkalan data *PubMed*, *PLOS*, *BMJ*, *Cochrane*, *EBSCO*, *Emerald*, *ProQuest*, *ScienceDirect*, *Scopus*, dan *ACI*. Ia juga ada membuat carian secara manual untuk mendapatkan artikel yang berkaitan. Hasilnya, tinjauan mendapati bahawa konsep dan nilai menyeluruh ajaran Islam dipadankan dalam amalan perubatan dunia secara tidak konsisten. Penyelidikan ini ada menyebut tentang sebilangan penyelidikan melaporkan bahawa menambahbaik latihan perubatan yang diintegrasikan dengan ajaran Islam dapat meningkatkan kemahiran pengamal perubatan profesional beragama Islam dalam membuat keputusan tentang perawatan pesakit secara menyeluruh.

Inisiatif untuk mewujudkan nilai-nilai Islam dalam amalan kehidupan sangat dialu-alukan. Sebenarnya dalam perubatan Nabawi, nilai-nilai sebegini telah terangkum dalam ajarannya dan tidak perlu diintegrasikan. Dengan kata lain, ia telah disebut dalam teks hadis yang menyentuh tentang perubatan. Malangnya, kebanyakan penyelidikan dalam perubatan Nabawi lebih menjurus kepada khasiat bahan yang disyorkan oleh Nabi SAW, sedangkan nilai etika yang telah ditanamkan kurang mendapat perhatian pada umumnya.

Kajian ini bertujuan untuk memaparkan pemupukan etika tersebut berdasarkan *kitāb al-tibb* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (KṬSB)*. Memandangkan pemupukan etika di dalamnya agak sarat, kajian ini hanya memfokuskan kepada bab satu hingga bab lapan sahaja. Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* merupakan kompilasi hadis yang telah dihasilkan oleh Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrat al-Bukhārī (m. 256H / 870M). Ia telah diiktiraf dalam kalangan ilmuwan hadis sebagai kompilasi teks hadis yang paling tinggi tahap kesahihannya. Hadis dalam kitab ini disusun mengikut topik yang terbahagi kepada 97 kitāb sebagaimana yang telah ditinjau oleh seorang filologis tersohor bernama Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Bahagian *kitāb* yang pertama dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ialah; *Bad' al-Wahy (Permulaan Wahyu)* dan yang terakhir ialah; *al-Tawḥīd (Tauhid)*. Setiap *kitāb* dalam *al-Ṣaḥīḥ* ini mengandungi puluhan bab. Adapun bahagian yang menjadi fokus kajian ini ialah *kitāb al-tibb* yang bermaksud *kitab perubatan* kerana ia mengemukakan saranan dan bimbingan perubatan di samping pemupukan etika kepada pengamal perubatan. *Kitāb al-tibb* ini susunannya dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ialah yang ke-76, terletak selepas *kitāb al-mardā* (kitab pesakit) dan diikuti dengan *kitāb al-libās* (kitab pakaian) ('Abd al-Hādī, 1987; al-Bukhārī, 2000). *Kitāb al-tibb* daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* adalah bahan kajian yang sesuai memandangkan ia mengumpul periwayatan yang sahih berkaitan



dunia perubatan Nabawi. Disamping itu, ia merakamkan peristiwa penglibatan individu dalam bidang perubatan yang dalam masa yang sama mendapat penerapan etika. *Kitāb* ini mempunyai 58 bāb atau topik; yang mana ia bermula dengan topik yang judulnya bermaksud; *Allah Tidak Menciptakan Penyakit Kecuali Dia Menyediakan Penawarnya*, dan berakhir dengan judul topik yang bermaksud; *Bilamana Lalat Jatuh Ke Dalam Bejana* (al-Bukhārī, 2000). Bagaimanapun, kajian ini hanya akan menumpukan kepada hadis-hadis dalam laman bab yang pertama sahaja. Berikut ialah pernyataan soalan kajian dan objektif kajian.

Soalan Kajian:

Bagaimanakah bentuk pemupukan etika dalam perubatan Nabawi berdasarkan hadis bab satu hingga bab lapan daripada *kitāb al-ṭibb, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*?

Objektif Kajian:

Menganalisis bentuk pemupukan etika dalam perubatan Nabawi berdasarkan hadis bab satu hingga bab lapan daripada *kitāb al-ṭibb, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Bagi mengupas topik ini supaya mencapai objektif yang disasarkan, kajian ini mengatur struktur perbincangan dengan memulakan paparan tiga contoh kajian lepas yang paling hampir dengan skop kajian. Pemaparan kajian lepas dapat menggambarkan kelompondangan yang perlu diisi oleh kajian ini. Bagi usaha tersebut, kajian perlu menyebut metodologi pilihan yang berfungsi sebagai alat untuk mengumpul maklumat dan menginterpretasinya menggunakan analisis yang sesuai. Dengan yang demikian kajian ini dapat mengklasifikasikan bentuk-bentuk pemupukan etika dalam perubatan Nabawi yang diperkenalkan oleh hadis-hadis dalam skop kajian.

2. Kajian Lepas

Topik tentang perubatan Nabawi begitu mendapat perhatian dalam bidang penyelidikan. Sebahagian besar daripadanya cuba menyorot pembuktian keberkesannya berdasarkan sains moden dan pengaruhnya kepada amalan perubatan tradisional di luar Tanah Arab. Antaranya penyelidikan yang berobjektif untuk mengesani elemen perubatan Nabawi dalam perubatan Melayu yang berjudul '*Prophetic Medicine in Malay Manuscript: A Brief Study on the 19th Century Kitāb Ṭib Manuscript*', oleh Ibrahim dan Ahmad Shah (2020). Fokus penyelidikan ini adalah kepada dua buah manuskrip perubatan Melayu berjudul '*Ṭayyib al-Iḥsān fī Ṭib al-Insān*' dan '*Kitāb Ṭib MSS2515*' yang ditulis pada kurun ke-19. Penyelidikan ini cuba mengesani amalan perubatan yang berdasarkan hadis Rasulullah SAW. Hasilnya, ia mendapati bahawa pengarang manuskrip perubatan Melayu tersebut telah menggabungkan amalan perubatan Melayu dan perubatan Nabawi. Pengaruh perubatan Nabawi dalam perubatan Melayu berupa penggunaan doa daripada nas dan cara rawatan seperti berbekam dan penggunaan air kencing unta. Adapun segmen etika daripada perubatan Nabawi, ia tidak disentuh dalam penyelidikan ini.

Terdapat beberapa penyelidikan yang cuba menyentuh tentang pemupukan etika dalam perubatan Islam. Antara kajian lepas berkenaannya adalah sebuah artikel berjudul '*Medical Ethical Issues, an Islamic Perspective*' oleh Dahamsheh (2024). Kajian ini bertujuan memberi pencerahan kepada pengamal perubatan negara barat tentang etika perubatan dalam Islam. Inisiatif tersebut adalah bertitik-tolak dari realiti bidang perubatan di sana yang juga memberi perkhidmatan kepada golongan beragama Islam sama ada daripada kalangan warganegara atau warga asing. Kajian menekankan bahawa etika perubatan dalam Islam adalah berkaitan dengan lima perkara iaitu; ketaatan kepada suruhan Allah, bentuk suruhan, maqasid syari'ah, penilaian amalan berdasarkan niat, dan percaya kepada ketetapan Ilahi dan takdir. Staf perubatan sepatutnya mempunyai pengetahuan dan persediaan sebelum merawat pesakit beragama Islam untuk mengelakkan daripada terjebak membuat tindakan yang mengguris sensitiviti. Lima perkara yang diutarakan oleh kajian adalah perkara umum yang telah disepakati dalam kefahaman Islam dan boleh menjadi acuan bagi etika perubatan.

Terdapat juga kajian terdahulu tentang inisiatif yang diadakan untuk memupuk nilai dan ajaran Islam dalam perubatan. Ia adalah artikel berjudul '*Integration of Islamic Input in Medical Curriculum – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Experience*' oleh Jamilah et al. (2014). Usaha yang paling menyerlah ialah penubuhan institusi Islam yang melahirkan pengamal perubatan. Bahkan terdapat institusi konvensional yang cuba menerapkan kesedaran Islam dalam diri pelajar bidang perubatan dengan memperkenalkan subjek pengajian Islam sebagai subjek wajib atau pilihan. Antara institusi Islam yang berinisiatif ke arah usaha tersebut ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang membuka Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Usaha mengintegrasikan bidang perubatan dengan pengajian nilai moral dan etika Islam telah dilaksanakan. Dengan yang demikian kursus-kursus seperti Sejarah Perubatan Islam, Sains dan Perubatan dalam Quran dan Sunnah, Akhlak dan Tasawuf, Usul al-Fiqh serta Etika Perubatan dan Isu Fiqh telah diperkenalkan. Usaha

mengintegrasikan komponen naqli ke dalam sukatan ilmu perubatan telah menunjukkan hasil ke arah positif berdasarkan amalan pelajar terhadap pengurusan masalah pesakit.

Dua kajian terakhir di atas berusaha untuk memperkenalkan integrasi ajaran Islam dalam perkhidmatan perubatan. Bagaimanapun, ia tidak mendatangkan sebarang nas dalam kupasannya. Berdasarkan perubatan Nabawi, pemupukan nilai Islam telah terkandung dalam nas, terutamanya nas hadis, justeru integrasi dengan nas lain hanya boleh dikira sebagai elemen sokongan. Oleh yang demikian, kajian ini berinisiatif memaparkan nas hadis dalam skop yang dipilih serta menghuraikan kandungannya.

3. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif memandangkan ia bergantung sepenuhnya kepada sumber-sumber tulisan silam dan kontemporari yang telah diterbitkan dalam bentuk cetakan moden. Pengumpulan data yang sesuai diusahakan dengan menjalankan kajian kepustakaan menggunakan sumber induk *kitāb al-ṭibb, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (KTṢB)* diikuti sumber-sumber lain sebagai sokongan. Memandangkan ia sarat dengan pemupukan etika bagi pengamal perubatan, kajian ini hanya menumpukan kepada bab satu hingga bab lapan sahaja daripada *KTṢB*. Kajian memilih *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* kerana ia adalah kitab hadis yang menetapkan piawai kesahihan yang paling tinggi. Kemudian *kitāb al-ṭibb* dipilih daripadanya kerana ia berkaitan dengan perubatan. Naskhah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang menjadi rujukan kajian ini ialah naskhah penerbitan bersumberkan teks asal berbahasa Arab. Ia disunting oleh *Ṣāliḥ ibn 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh* untuk diterbitkan dalam satu jilid menggabungkan enam kitab kompilasi hadis yang autentik (*al-Kutub al-Sittah*). Naskhah ini diterbitkan pada tahun 2000 oleh Darussalam yang bertempat di Riyadh, Arab Saudi. Penyuntingan manuskrip *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang dilakukan bagi naskhah ini sangat teliti dan memuaskan.

Skop kajian terhadap *KTṢB* hanya kepada teks hadis yang memaparkan pemupukan etika dalam kalangan pengamal perubatan. Bertujuan mendapat penjelasan lanjut bagi maksud teks hadis, kajian ini merujuk kitab-kitab Arab *turāth* yang terdiri daripada genre; kitab kompilasi hadis, buku penjelasan hadis (*al-shurūḥ al-ḥadīthiyah*), kamus perkataan asing bagi hadis (*gharīb al-ḥadīth*), kamus konvensional, farmakologi, perubatan dan geografi. Selain daripada sumber silam berbahasa Arab yang telah disebut, kajian ini juga merujuk sumber kontemporari yang sesuai untuk melihat kesinambungannya dengan maklumat *turāth* berbahasa Arab. Memahami teks hadis dengan bantuan huraian daripada sumber-sumber tersebut adalah diperlukan supaya kupasan tidak berdasarkan kefahaman literal semata-mata.

Seterusnya data yang telah dikumpul diimbangi menggunakan analisis kandungan untuk memahami dan mengolah maklumat dalam hadis bab satu hingga bab lapan dalam *KTṢB* yang memuatkan pemupukan etika dalam perubatan Nabawi. Oleh itu, kajian ini hanya berfokus kepada bab-bab yang bermula dengan topik pertama yang judulnya bermaksud; *Allah Tidak Menciptakan Penyakit Kecuali Dia Menyediakan Penawarnya*, dan berakhir dengan judul topik kelapan yang bermaksud; *al-Talbīnah Untuk Pesakit*. Dengan yang demikian, kajian ini dapat membahagikan bentuk-bentuk pemupukan etika tersebut serta menjelaskannya.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Dapatan

Terdapat 5 hadis dalam bab satu hingga bab lapan *KTṢB* yang berkaitan dengan pemupukan etika dalam bidang perubatan. Hadis-hadis tersebut memaparkan bentuk pemupukan etika dalam perubatan Nabawi sebagaimana berikut; 2 hadis berkenaan dengan keyakinan yang teguh kepada petunjuk Allah Taala bahawa setiap penyakit mempunyai penawar, 1 hadis tentang pengiktirafan kepada peranan wanita dalam perubatan, 1 hadis tentang usaha menyediakan keselesaan kepada pesakit, 1 hadis tentang keutamaan kaedah pengubatan yang paling mujarab dan sesuai, dan 1 hadis tentang sumbangan kepada kelangsungan ilmu perubatan. Pemupukan etika didahului dengan keyakinan kepada Allah Ta'ala yang menurunkan penyakit sebagai ujian kepada hambaNya. Melalui keyakinan yang teguh inilah, perawat berikhtiar mendapatkan penawar tepat yang dapat menjadi sebab kesembuhan pesakit dengan izin Allah Ta'ala. Ramuan yang digunakan untuk mengubati pesakit tidak semestinya daripada bahan tempatan sahaja. Sekiranya bahan luar seperti jintan hitam daripada tanah Parsi yang mudah didapati dalam pasaran tempatan diketahui bermanfaat bagi mengubati penyakit, ia boleh digunakan

4.2 Perbincangan

Bab satu hingga bab lapan daripada *KTŞB* mengandungi tujuh hadis yang berkaitan dengan pemupukan lima etika dalam bidang perubatan Nabawi. Berikut ialah bentuk-bentuk pemupukan etika tersebut yang terkandung dalam nas yang menjadi focus kajian ini.

4.2.1 Keyakinan yang teguh kepada petunjuk Allah Taala bahawa setiap penyakit mempunyai penawar

Pemupukan etika utama yang ditekankan ialah keyakinan kepada petunjuk Allah SWT bahawa penawar telah disediakan bagi setiap penyakit. Tidak dapat disangkal lagi bahawa keyakinan sebegini adalah tunjang bagi semua urusan orang-orang yang beriman, termasuk dalam urusan memberi rawatan. Terdapat dua hadis daripada sekumpulan hadis-hadis bab satu hingga bab lapan *KTŞB* yang menjadi petunjuk bagi perkara ini. Pertamanya yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

” مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً ”

(al-Bukhārī, 2000, no. hadis 5678)

Maksudnya:

“Allah tidak menurunkan penyakit melainkan diikuti dengan menurunkan penawar”.

Hadis ini menjadi dalil bagi keharusan mendapatkan rawatan dan bergantung kepada ilmu perubatan sebagai ikhtiar untuk sembuh. Sekiranya Allah SWT menurunkan penyakit kepada hambanya, ia juga menyediakan penawar yang perlu didapatkan dengan menimba pengetahuan dalam ilmu perubatan. Maksudnya Allah SWT menurunkan penyakit sebagai ujian, lalu manusia hendaklah berikhtiar mencari penawar yang telah dijanjikan. Pesakit mesti berusaha mendapatkan rawatan, manakala perawat boleh menyelidik, menimba pengalaman dan menyediakan rawatan yang sesuai bagi setiap penyakit. Memang tidak dapat dinafikan biasa terjadi kepada sebahagian pesakit yang mendapat rawatan tetapi tidak mendapat kesembuhan. Kegagalan tersebut bukan bererti tiada penawar, cuma manusia belum menemui rawatan yang tepat (al-Kirmānī, 2010). Ayat al-Quran juga ternyata memberi contoh bahan yang boleh menjadi penawar kepada penyakit yang menimpa manusia dalam firmanNya:

﴿وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ. ثُمَّ كُلِّي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا ۚ يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْتَبِرُونَ﴾

(Surah al-Nahl: 68-69)

Maksudnya:

Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang, pohon-pohon kayu, dan juga binaan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis (bunga-bunga yang bakal menjadi) buah-buahan, serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.

Berikutan dengan keistimewaan madu lebah ini, hadis kedua memberi panduan menanam keyakinan yang teguh kepada petunjuk Allah Ta'ala sebagaimana diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudrī RA yang mengisahkan:

أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: "أَخِي يَشْتَكِي بَطْنَهُ"، فَقَالَ: "اسْقِهِ عَسَلًا"، ثُمَّ أَتَى النَّبِيَّ، فَقَالَ: "اسْقِهِ عَسَلًا"، ثُمَّ أَتَاهُ النَّبِيَّ، فَقَالَ: "اسْقِهِ عَسَلًا"، ثُمَّ أَتَاهُ فَقَالَ: "فَعَلْتُ" فَقَالَ: "صَدَقَ اللَّهُ، وَكَذَّبَ بَطْنُ أَحِيكَ، اسْقِهِ عَسَلًا"، فَسَقَاهُ فَبُرَّأ.

(al-Bukhārī, 2000, no. hadis 5684, 5716; al-Naysābūrī, 2000, no. hadis 5770)

Maksudnya:

Seorang lelaki telah mendatangi Rasulullah SAW lalu memberitahu: “Saudaraku sedang mengadu sakit perut”. Justeru (Rasulullah SAW) menyarankan: “Berilah dia madu”. Berikutnya, lelaki tersebut datang buat kali kedua, dan (Rasulullah SAW) tetap menyarankan: “Berilah dia madu”. Kemudian beliau datang buat kali ketiga, dan (Rasulullah SAW) menyarankan: “Berilah dia madu”. Seterusnya lelaki tersebut berkata: “Saya telah lakukan”. (Rasulullah SAW) berkata: “Allah tetap benar, cuma perut saudaramu itu yang tidak benar. Berikan dia madu (lagi)”. Lelaki tersebut terus memberikan madu kepada saudaranya, justeru beliau sembuh.

Hadis ini mengisahkan tentang seorang lelaki yang mengambil berat tentang saudaranya yang mengalami cirit-birit. Lelaki tersebut mengadu kepada Nabi SAW tentang perihal saudaranya, lalu beliau menyarankan diberi madu lebah. Bagaimanapun, lelaki tersebut mendapati saudaranya tetap tidak sembuh sehinggalah pada kali keempat Nabi SAW masih menyuruhnya memberikan madu. Pemberian madu yang berulang sebagai julap bertujuan untuk menyucikan ususnya yang menanggung masalah penghadaman (al-Khattābī, 1406H). Dengan yang demikian, Rasulullah SAW telah menanamkan keyakinan kepada petunjuk Allah SWT dalam firmannya berkenaan kelebihan madu lebah sebagai penawar. Sebenarnya maksud madu sebagai penawar dalam ayat al-Quran tersebut ialah penawar bagi sebahagian pesakit, bukan semua pesakit (Ibn Baṭṭāl, 2016). Bagaimanapun, Rasulullah SAW mempunyai keyakinan bersumberkan wahyu Ilahi bahawa madu memang menjadi penawar bagi penyakit lelaki tersebut (Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, 1997).

Penanaman keyakinan tersebut bermula dengan saranan pemberian madu berkali-kali. Ia disusuli dengan penekanan bahawa Allah SWT tetap benar dalam firmannya, biarpun lelaki tersebut belum melihat sebarang tanda kesembuhan pada saudaranya. Masalah kesihatan saudaranya berakhir dengan kesembuhan sebagaimana diyakinkan oleh Rasulullah SAW. Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2013) melengkapkan penjelasan beliau bagi hadis ini dengan membawa pandangan tokoh-tokoh perubatan Islam antaranya al-Muwaffaq al-Baghdādī yang menyokong maklumat khasiat madu bagi kesihatan usus.

Keimanan yang teguh kepada Allah SWT adalah perkara utama yang perlu ditanam kepada perawat. Kedua-dua hadis tersebut adalah antara bimbingan Rasulullah SAW kepada umatnya terutama kepada perawat supaya mempunyai keyakinan yang teguh kepadaNya tentang setiap penyakit mempunyai penawarnya.

4.2.2 Pengiktirafan kepada peranan wanita dalam perubatan

Ilmu perubatan yang telah dipelajari oleh wanita dalam komuniti Nabi SAW bukan sahaja berguna untuk keperluan kehidupan seharian bersama keluarga dan kenalan. Pengetahuan yang ditimba melayakkan mereka untuk berkhidmat di medan perang. Wanita yang keluar berkhidmat sebagai perawat dan pembantu di medan perang berhak mendapat *al-raqdḥ*, iaitu saguhati dari harta rampasan perang (al-Naysābūrī, 2000; al-Nawawī, 2016). Berikut adalah hadis yang diriwayatkan oleh al-Rubayyi’ bint Mu’awwidh RA yang menceritakan:

”كُنَّا نَعْرُو مَعَ النَّبِيِّ ﷺ، فَسَقَيْي الْقَوْمَ، وَنَحْدُمُهُمْ، وَنَرُدُّ الْجَرْحَى وَالْقَتْلَى إِلَى الْمَدِينَةِ.”

(al-Bukhārī, 2000, no. hadis 2882, 2883, 5679)

Maksudnya:

“Kami pernah keluar ke medan perang bersama Nabi SAW. Makanya kami menyediakan minuman kepada golongan tentera, berkhidmat kepada mereka, serta menghantar mereka yang cedera serta yang gugur kembali ke Madinah”.

al-Rubayyi’ bint Mu’awwidh ibn al-Hārith RA adalah antara sahabatiyah junior (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2004). Beliau telah menceritakan pengalamannya keluar bersama wanita lain ke medan perang pada zaman Nabi SAW untuk berkhidmat. Biarpun pada periwayatan ini tidak disebut bahawa al-Rubayyi’ bint Mu’awwidh RA dan petugas-petugas wanita yang lain merawat tentera, ia sebenarnya termasuk dalam kategori perkhidmatan di medan perang (al-Kūrānī, 2012). Mereka bertugas menyediakan minuman, merawat, dan mengangkat tentera yang cedera dan meninggal dunia untuk dikembalikan ke Madinah.

al-Nawawī (2016) menyebut bahawa wanita berfungsi di medan perang untuk merawat pasangan mereka serta kalangan mahram mereka. Sekiranya rawatan kepada bukan mahram diperlukan, maka ia tidak melibatkan sentuhan kulit kecuali jika keadaan mendesak. Bagi keadaan ini Ibn Baṭṭāl (2016) menyebut bahawa diutamakan wanita tua yang sudah tidak menarik. Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2013) menyebut keharusan

wanita merawat pesakit lelaki bukan mahram dalam keadaan terdesak, justeru boleh melihat, menyentuh dengan tangan dan seumpamanya mengikut kadar keperluan.

Penglibatan wanita komuniti Nabi s.a.w. dalam bidang perubatan sebagai perawat di medan perang adalah fakta yang telah maklum. Peranan mereka yang sedemikian sudah diterima dalam komuniti Islam dan tidak dipandang sebagai sesuatu yang janggal memandangkan budaya Jahiliah sebelumnya sudah mempunyai pengalaman perubatan wanita (Al-Sammaraie & Khaleel, 2022). Oleh yang demikian, penglibatan wanita dalam perubatan tidak dipandang janggal selepas kedatangan Islam. Nabi SAW meneruskan legasi tersebut dan memperakui kebolehan wanita sebagai perawat. Menariknya tentang pembukaan ruang kepada wanita untuk melibatkan diri dalam perubatan, Miyawaki et al. (2024) dalam penyelidikan mereka merumuskan bahawa pesakit yang dirawat oleh doktor wanita mempunyai kadar kematian dan kemasukan semula ke hospital yang lebih rendah berbanding pesakit yang dirawat oleh doktor lelaki.

4.2.3 Berusaha menyediakan keselesaan kepada pesakit

Antara bentuk pemupukan etika dalam perubatan Nabawi adalah berusaha menyediakan keselesaan yang sesuai dengan kehendak pesakit. Semenanjung Tanah Arab adalah penempatan luas yang diduduki oleh pelbagai suku dan kabilah. Setiap suku telah terbiasa dengan persekitarannya dan berkemungkinan tidak betah untuk tinggal di penempatan Arab yang lain. Persekitaran yang selesa biasanya menjadi pilihan bagi pesakit, apatah lagi bagi orang luar yang tidak biasa dengan tempat baharu. Elemen penyediaan keselesaan yang sesuai dengan kehendak pesakit ini terdapat dalam hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Mālik RA tentang sebuah kisah, yang mana permulaannya ialah:

أَنَّ نَاسًا اجْتَمَعُوا فِي الْمَدِينَةِ فَأَمَرَهُمُ النَّبِيُّ ﷺ أَنْ يَلْحَقُوا بِرَاعِيهِ يَغْنِي الْإِبِلَ فَيَشْرَبُوا مِنَ الْبَاطِحِ وَأَبْوَاهِهَا فَلَحِقُوا بِرَاعِيهِ فَشَرَبُوا مِنَ الْبَاطِحِ وَأَبْوَاهِهَا حَتَّى صَلَحَتْ أَبْدَانُهُمْ..... الحديث.

(al-Bukhārī, 2000, no. hadis 233, 1501, 4192, 4193, 4610, 5685, 5686, 5728, 6802, 6804, 6805, 6899; al-Naysābūrī, 2000, no. hadis 4355)

Maksudnya:

“Bahawa terdapat sebilangan (tetamu) lelaki yang alahan dengan persekitaran Madinah. Lalu Nabi SAW mengarahkan supaya mereka ditempatkan (di pinggir Madinah) bersama dengan penggembala unta supaya mendapat bekalan susu dan air kencing unta. Maka mereka tinggal di kawasan penggembala tersebut dan dapat meminum susu serta air kencing unta sehingga badan mereka menjadi sihat”

Hadis ini mengisahkan tentang sekumpulan lelaki daripada kabilah ‘Ukl dan ‘Uraynah yang tiba di Madinah dan melahirkan hasrat mereka untuk memeluk agama Islam. Malangnya mereka berada dalam keadaan yang sangat lemah serta kelaparan. Kabilah-kabilah ini berasal dari *al-Bahrayn* (al-Nawawī, 2016). *al-Bahrayn* pada zaman tersebut adalah nama bagi satu kawasan yang luas di pantai timur Semenanjung Tanah Arab, terletak antara Basrah dan Oman, yang mana al-Yamamah adalah tanah tingginya (al-Ḥamawī, t.t.). Penduduk Madinah menyambut tetamu tersebut dengan baik, menyediakan tempat tinggal serta makanan untuk mengembalikan kekuatan mereka. Biarpun begitu, mereka merasa masih tidak dapat menyesuaikan diri di Madinah. Oleh yang demikian Rasulullah SAW menyarankan mereka di bawa ke pinggir Madinah yang dikenali sebagai *al-Harrah* dengan menyediakan sebilangan unta yang mencukupi untuk sumber susu dan air kencing sebagai penawar penyakit mereka. Rawatan bersumberkan unta adalah mengikut amalan perubatan yang telah biasa digunakan oleh masyarakat Arab (Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, 2013). Tindakan Rasulullah SAW ini adalah satu contoh kepada penduduk Madinah tentang usaha menyediakan keselesaan kepada pesakit sehingga berjaya sembuh. Tambahan pula penyediaan keselesaan tersebut boleh dilaksanakan.

4.2.4 Mengutamakan kaedah pengubatan yang paling mujarab dan sesuai

Kebiasaannya, perawat mempunyai kaedah yang pelbagai dalam memberi rawatan. Berhadapan dengan kenyataan ini, mereka membuat pertimbangan untuk memberi rawatan yang sesuai dengan penyakit serta tahap pengidapannya. Pada zaman jahiliah, pertimbangan mereka adalah berdasarkan pengalaman atau sebagai memenuhi permintaan pesakit tanpa ada garis panduan daripada wahyu. Perubatan Nabawi dengan elemen

wahyunya datang untuk memberikan bimbingan etika dalam perawatan. Antaranya, hadis yang diriwayatkan oleh Jābir RA daripada Rasulullah SAW beliau bersabda:

"إِنْ كَانَ فِي شَيْءٍ مِنْ أَدْوِيَّتِكُمْ أَوْ يَكُونُ فِي شَيْءٍ مِنْ أَدْوِيَّتِكُمْ خَيْرٌ فَفِي شَرْطَةِ مُحَمَّدٍ، أَوْ شَرْبَةِ عَسَلٍ، أَوْ لَدَعَةِ بَنَارٍ تُؤَفِّقُ الدَّاءَ، وَمَا أَحْبَبُ أَنْ أَكْتُوبِي."

(al-Bukhārī, 2000, no. hadis 6783; al-Naysābūrī, 2000, no. hadis 5743)

Maksudnya:

"Jika ada sesuatu yang elok dijadikan pengubatan kamu, maka itulah mata pisau bekam, hirupan madu, atau sambaran api yang menepati penyakit. Aku tidak menggemari kauteri haba".

Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2013) menjelaskan hadis ini bermaksud menyebut tiga perkara penting dalam perubatan, dan bukanlah untuk menghadkan skopnya. Bagi jenis yang ketiga yang disebut sebagai sambaran api, Ibn Hajar merujuk Ibn Qutaybah yang menjelaskan bahawa ia adalah *al-kayy* iaitu kauteri haba dilakukan dalam dua bentuk. Bentuk yang pertama dilakukan kepada orang yang sihat sebagai mencegah penyakit. Manakala yang kedua dilakukan kepada yang tercedera dengan teruk atau terputus anggota. Kauteri haba yang tidak disarankan ialah yang pertama kerana dikira terburu-buru menyiksa diri yang masih sihat. Manakala yang dibenarkan adalah yang kedua setelah yakin ia dapat mengubati. Mengikut saranan Nabi SAW, kauteri haba sepatutnya hanya dilakukan bilamana telah ditentukan ia sebagai cara yang sesuai untuk membuang penyakit. Tiada ruang untuk sekadar mencuba atau menggunakannya sebelum dipastikan kesesuaiannya. Tidak hairanlah jika pepatah Arab ada menyebut; "Ubat yang paling akhir ialah kauteri haba".

Sebenarnya hadis ini menegur sebahagian amalan Arab jahiliah yang percaya bahawa melakukan kauteri haba dapat menghalang penyakit. Mereka yang masih sihat melakukannya dengan harapan tidak ditimpa penyakit. Oleh yang demikian Nabi SAW menekankan bahawa amalan sedemikian adalah makruh dan menyarankan penggunaannya bila diperlukan untuk merawat penyakit yang sesuai dirawat menggunakan kauteri haba. Keharusan menggunakannya mestilah dalam lingkungan ikhtiar memohon penawar daripada Allah SWT dan mengharapkan penyembuhan daripadanya, bukan meletakkan keyakinan kepada kemujaraban kauteri haba secara sepenuhnya (al-Qastalānī, 2018).

Selain daripada bimbingan tentang penggunaan berhemah bagi kauteri haba, terdapat hadis dalam skop kajian ini yang menyarankan pemberian penawar yang diketahui mujarab, biarpun pesakit tidak menyukainya. Hadis berkenaan yang diriwayatkan daripada ‘Ā’ishah RA akan dijelaskan pada subtopik seterusnya.

4.2.5 Sumbangan kepada kelangsungan ilmu perubatan

Hadis-hadis sebelumnya menggambarkan perjalanan hidup sekelompok wanita dalam mempelajari ilmu *al-Tibb al-Nabawī*, dan seterusnya mengaplikasi pengetahuan mereka dalam memberi perkhidmatan kepada komuniti Nabi SAW. Selepas kewafatan Nabi SAW, mereka mewariskan legasi perubatan Nabawi kepada generasi seterusnya. Terdapat hadis *KṬṢB* yang memaparkan contoh pemindahan ilmu yang mereka lakukan, iaitu yang diriwayatkan oleh ‘Urwah ketika menceritakan tentang bimbingan ibu saudaranya, ‘Ā’ishah RA:

أَمَّا كَانَتْ تَأْمُرُ بِالتَّلْبِينِ لِلْمَرِيضِ وَلِلْمَحْزُونِ عَلَى الْهَالِكِ وَكَانَتْ تَقُولُ: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: "إِنَّ التَّلْبِينَةَ جُحْمٌ فُوَادَ الْمَرِيضِ وَتَذْهَبُ بِبَعْضِ الْحُزْنِ."

(al-Bukhārī, 2000, no. hadis 5417, 5689; al-Naysābūrī, 2000, no. hadis 5769)

Maksudnya:

Beliau menyuruh diberikan *al-talbīn* kepada pesakit serta orang yang bersedih atas kematian (seseorang). Katanya beliau mendengar Rasulullah SAW menyebut: "Bahawasanya satu pemberian *talbīn* dapat melegakan jiwa pesakit dan menghilangkan sebahagian kesedihan".

al-Zamakhsharī (1996) dan Ibn al-Athīr al-Jazarī (2010) menjelaskan bahawa *al-talbīn* ialah bubur yang diperbuat daripada tepung atau dedak, dan adakalanya dimaniskan dengan memasukkan madu. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1997) pula menyebut secara spesifik bahawa jenis bijirin bagi tepung atau dedak yang dimaksudkan ialah barli. ‘Urwah sebagai generasi pelapis selepas zaman sahabat Nabi SAW telah menyaksikan bagaimana ‘Ā’ishah RA menyampaikan sedikit pengetahuan tentang *al-Ṭibb al-Nabawī* kepada generasi seterusnya dengan menyertakan praktik pemberian *al-talbīn* untuk dicontohi. ‘Urwah juga menyebut maklumat seterusnya daripada ‘Ā’ishah RA:

أَهْمَا كَانَتْ تَأْمُرُ بِالتَّلْبِينَةِ وَتَقُولُ هُوَ الْبَغِيضُ النَّافِعُ.

(al-Bukhārī, 2000, no. hadis 5690)

Maksudnya:

Bahawasanya beliau menyuruh memberikan (kepada pesakit) *al-talbīn* dan berkata: “Ia adalah sesuatu yang tidak digemari tetapi bermanfaat”.

Pada kenyataan tersebut ‘Ā’ishah RA mengingatkan mereka yang merawat bahawa pesakit biasanya tidak menggemari penawar yang disediakan walaupun ia bermanfaat. Pengamal perubatan yang arif tentang khasiat ubat yang diberi hendaklah memastikan pesakit memanfaatkannya demi mendapat kesembuhan. ‘Ā’ishah RA telah menunjukkan contoh bagi kelangsungan pengetahuan perubatan Nabawi dengan mengajarkan kepada generasi seterusnya. Amalan beliau kemudiannya diteladani oleh cucu saudaranya sebagaimana yang diceritakan oleh Khālid ibn Sa’d:

حَرَجْنَا وَمَعَنَا غَالِبُ بْنُ أَبَجَرَ فَمَرَضَ فِي الطَّرِيقِ فَقَدِمْنَا الْمَدِينَةَ وَهُوَ مَرِيضٌ فَعَادَهُ ابْنُ أَبِي عَتِيقٍ فَقَالَ لَنَا: عَلَيْكُمْ بِهَذِهِ الْحُبَيْبَةِ السَّوْدَاءِ فَخَلُّوْا مِنْهَا حَمْسًا أَوْ سَبْعًا فَاسْحَقُوهَا ثُمَّ اقْطُرُوهَا فِي أَنْفِهِ بِقَطْرَاتٍ رَزِيَتْ فِي هَذَا الْجَانِبِ وَفِي هَذَا الْجَانِبِ. فَإِنَّ عَائِشَةَ حَدَّثَتْنِي أَنَّهَا سَمِعَتْ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ: "إِنَّ هَذِهِ الْحَبَّةَ السَّوْدَاءَ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ إِلَّا مِنْ السَّامِ". قُلْتُ: "وَمَا السَّامُ؟" قَالَ: "الْمَوْتُ."

(al-Bukhārī, 2000, no. hadis 5687)

Maksudnya:

Kami pernah keluar dan bersama kami Ghālib ibn Abjar yang ditimpa penyakit di pertengahan jalan. Seterusnya kami sampai di Madinah dalam keadaan beliau masih sakit. Ibn Abī ‘Atīq datang melawatnya dan memberi saranan kepada kami: Gunalah jintan hitam dengan mengambinya dalam bilangan lima atau tujuh biji (untuk disangai). Lumatkannya (kemudian rendam dalam minyak zaitun) seterusnya titikkan ke dalam sebelah lubang hidungnya serta sebelah yang lain. Sesungguhnya ‘Ā’ishah pernah meriwayatkan kepadaku bahawa beliau mendengar daripada Nabi SAW bersabda: “Bahawasanya jintan hitam adalah penawar bagi semua penyakit kecuali *al-sām*”. Beliau menyambung dengan bertanya: “Apakah *al-sām*?” (Nabi SAW) menjawab: “Maut”.

Periwayatan ini memaparkan betapa cucu saudara ‘Ā’ishah RA yang dikenali sebagai Abū Bakr Ibn Abī ‘Atīq telah mengajarkan penggunaan jintan hitam. Nama perawi generasi *tābi’in* ini ialah ‘Abdullāh ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr al-Ṣiddīq (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2013). Cara beliau menggunakan jintan hitam sedemikian bagi rawatan kepada lelaki tersebut sesuai dengan penyakit yang dialaminya. Ia bukan bermaksud bahawa semua rawatan yang menggunakan jintan hitam mesti mengikuti cara yang ditunjukkan oleh Abū Bakr Ibn Abī ‘Atīq (Ibn Baṭṭāl, 2016). Kemungkinan besar Ghālib ibn Abjar mengalami selsema yang diikuti bersin, kerana rawatan yang Ibn Abī ‘Atīq lakukan sememangnya dimaklumi untuk penyakit tersebut. Jintan hitam yang digunakan oleh komuniti Nabi SAW bukanlah bahan tempatan, bahkan ia didatangkan daripada Tanah Parsi (al-Qaṣṭalānī, 2018). Ia menjadi bukti bahawa masyarakat Arab dahulu kala telah mempunyai kearifan tentang khasiat bahan dari luar tanah mereka.

7. Kesimpulan

Berdasarkan penyelidikan dalam skop yang terhad ini, kajian dapat mengumpul tujuh hadis daripada bab satu hingga bab lapan daripada *KT̄SB* yang berkaitan dengan pemupukan etika dalam perubatan Nabawi. Hadis-hadis tersebut memaparkan bentuk pemupukan lima etika terdiri daripada; keyakinan yang teguh kepada petunjuk Allah SWT bahawa setiap penyakit mempunyai penawar, pengiktirafan kepada peranan wanita dalam perubatan, berusaha menyediakan keselesaan kepada pesakit, mengutamakan kaedah pengubatan yang paling mujarab dan sesuai, serta sumbangan kepada kelangsungan ilmu perubatan. Kesemua elemen pemupukan etika ini terkandung dalam hadis-hadis daripada bab satu hingga bab lapan daripada *KT̄SB*. Oleh kerana skop yang terhad, ia tidak memaparkan semua bentuk pemupukan etika dalam amalan Perubatan Nabawi. Adalah diharapkan kajian seterusnya dilakukan bagi melengkapkan bentuk-bentuk pemupukan etika secara menyeluruh dalam perkhidmatan yang mulia ini. Biarpun etika tersebut menjadi amalan dalam perubatan Nabawi, ia boleh diterapkan dalam pelaksanaan perubatan konvensional dan alternatif yang lain. Etika-etika ini telah terkandung dalam hadis-hadis perubatan Nabawi. Pengintegrasian dengan nas selainnya boleh dilakukan sebagai elemen sokongan.

Penghargaan

Kajian ini dihasilkan dengan sokongan dan kemudahan yang disediakan oleh Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Rujukan

- al-Quran al-Karim.
'Abd al-Hādī, 'A. 'A. (1987). *Turuq takhrīj ḥadīth Rasūlillāh ṣallā alLāh 'alayh wa sallam*. Kaherah: Dār al-I'tisām.
Ibn al-Athīr al-Jazarī, M. M. (2010). *al-Nihāyat fī gharīb al-ḥadīth wa al-athar*. Beirut: Dar al-Kotob Al-ilmiyah.
Ibn Baṭṭāl, 'A. K. 'A. (2016). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ibrāhīm, Y. (ed.). Riyadh: Maktabat al-Rushd.
al-Bukhārī, M. I. (2000). al-Ṣaḥīḥ. Dalam S. 'A. Āl al-Shaykh (ed.), *Mawsū'at al-ḥadīth al-sharīf: al-Kutub al-sittah*. Riyadh: Darussalam. 1-670.
Dahamsheh, K. (2024). Medical ethical issues, an Islamic perspective. *Clinical journal of nursing care and practice*. 8(1), 1-6. DOI: 10.29328/journal.cjncp.1001050
Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, A. 'A. M. (2013). *Fath al-Bārī bi sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: al-Dār al-'Ālamīyyat li al-Nashr wa al-Tawzī'.
Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, A. 'A. M. (2004). *Taqrīb al-tahdhīb*. Ṣ. 'Abd al-Mawjūd (Ed.). Mansoura: Dār Ibn Rajab.
al-Ḥamawī, Y. 'A. (t.t.). *Mu'jam al-buldān*. Beirut: Dār Ṣādīr.
Ibrahim, N. & Ahmad Shah, F. (2020). Prophetic medicine in Malay manuscript: A brief study on the 19th century Kitab Ṭīb. *Jurnal Hadis*. 10(19), 454-464.
Jamilah, J. A., Ahmad Najib, A. A., Dzulkhairi, M. R. A., Ariff, H. O. B, Nasri Ismail, N. M. (2014). Integration of Islamic input in medical curriculum – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) experience. *International medical journal Malaysia*. 13(2), 73-77.
al-Khaṭṭābī, Ḥ M. (1406H). *A'lām al-ḥadīth fī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Āl al-Sa'ūd, M. S. 'A. (Ed.). Mekah: Umm Al-Qura University.
al-Kirmānī, M. Y. 'A. (2010). *al-Bukhārī bi sharḥ al-Kirmānī*. Beirut: Dar El Fikr
al-Kūrānī, A. I. 'A. (2012). *al-Kawthar al-jārī ilā riyād Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. al-Aḥmad, M. R. (ed.). Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiyah.
Mahmood, M. A., Mohd Yusuf, N. Saidi, S. & Che Ahmad, A. (2023). The integration of Islamic values in daily clinical practice among healthcare professionals: A scoping review. *International medical journal Malaysia*. 22(3), 33-40. DOI: 10.31436/imjm.v22i3
Miyawaki, A., Jena, A. B. & Tsugawa, Y. (2024). Comparison of hospital mortality and readmission rates by physician and patient sex. *Annals of internal medicine*. 177(5). DOI: 10.7326/M23-3163.
al-Nawawī, Y. S. M. (2016). *Al-Minhāj sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*. Shīhā, K. M. (ed.). Beirut: Dār al-Ma'rifah.
al-Naysābūrī, M. Ḥ. (2000). 'al-Ṣaḥīḥ'. dalam Āl al-Shaykh, S. 'A. (ed.). *Mawsū'at al-ḥadīth al-sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Darussalam.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 15, No. 30 (December 2025)

- al-Qasṭalānī, A. M. (2018). *Irshād al-sārī li Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damshik, Beirut & Istanbul: Dār al-Ghawthānī li al-Dirāsāt al-Qur`āniyyah.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, M. A. (1997). *Zād al-ma`ād fī hady khayr al-`ibād*. Beirut: Mu`assasat al-Risālah.
- Al-Sammarraie, H. W. M. & Khaleel, Z. I. (2022). Women and the history of the development of the medical profession from the pre-Islamic era to the modern era. *Journal of scientific development for studies and research*. 3(11), 48-61, The Academy of Creativity Sama.
- al-Zamakhsharī, M. 'U. (1996). *al-Fā`iq fī gharīb al-ḥadīth*. Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiyah.